

06/08/2004

Tiga peristiwa hitam halang kemajuan bangsa Melayu

By Dr Mohamad Khir Toyo

"SUNGGUHPUN ada di antara kita yang berlainan fikiran dan fahaman serta berlainan taraf dan kedudukan kita tetapi hakikat tujuan dan maksud kita hanya satu juga iaitu kita hendak meninggikan dan memelihara maruah serta kesopanan bangsa kita. Kita berkehendakkan supaya tanah air dan bangsa ini terselamat dan kuat, dan hanyalah boleh kuat jika kita bersatu padu."

Petikan ucapan Allahyarham Datuk Onn Jaafar di Kongres Melayu Pertama di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru Kuala Lumpur dari 1 hingga 4 Mac 1946.

Pandangan Onn itu terbukti kebenarannya untuk sepanjang zaman. Kita menyaksikan bagaimana dengan hanya berbekalkan perpaduan yang jitu berasaskan kesatuan matlamat, orang Melayu pasca Perang Dunia Kedua di bawah kepemimpinan beliau berjaya menggagalkan rancangan penjajah Inggeris bagi menguatkuasakan perlembagaan Malayan Union di Tanah Melayu.

Rancangan ini yang jika berjaya dilaksanakan menyebabkan orang Melayu mengalami nasib yang sama seperti kaum Red Indian di Amerika Syarikat, golongan Aborigines di Australia atau kaum Maori di New Zealand, iaitu ibarat melukut di tepi gantang, terpinggir di bumi nenek moyang mereka sendiri, berguna hanya sebagai produk pelancongan yang dipamerkan kepada pelancong asing.

Semangat perpaduan yang sama di bawah payung Umno berjaya mendesak British untuk memberikan kemerdekaan kepada tanah air tercinta ini. Perpaduan juga memastikan kepentingan bangsa Melayu terpelihara di dalam Malaya yang merdeka.

Ini ternyata apabila dalam Perlembagaan Persekutuan - undang-undang tertinggi negara - sudah dimaktubkan Perkara 3 Fasal 1 yang mendaulatkan agama Islam sebagai agama bagi negara Malaya yang merdeka, Perkara 152 yang mendaulatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara yang tunggal serta Perkara 153 yang mendaulatkan hak keistimewaan orang Melayu sebagai bangsa peribumi.

Perpaduan kental dan jitu orang Melayu ini juga menjadi ibarat besi berani yang berjaya menarik parti yang mewakili kaum bukan Melayu di Malaya untuk bersama Umno bagi berada dalam sebuah pakatan yang dinamakan Parti Perikatan dan kemudian Barisan Nasional (BN) bagi mendapatkan kemerdekaan dan seterusnya mengisi kemerdekaan yang diperoleh.

Kenapa Umno dianggotai orang Melayu yang lemah kedudukan sosioekonominya boleh menjadi kuat dan menarik lamaran untuk bekerjasama daripada parti politik bukan Melayu yang rata-ratanya mempunyai ahli yang lebih kukuh kedudukan sosioekonomi mereka?

Jawapannya ialah kerana ahli Umno bersatu padu, membolehkan parti muncul sebagai pertubuhan siasah yang kuat. Jika ahli Umno tidak bersatu padu, maka tentu parti yang mewakili kaum bukan Melayu tidak berminat untuk bekerjasama apatah lagi menerima kepemimpinan Umno sebagai rakan kongsi kanan dalam Perikatan dan kemudian BN.

Namun, perpaduan yang menjadi punca kekuatan ini mengalami tiga hakisan yang besar sejak penubuhan Umno pada 11 Mei 1946.

Perpecahan melemahkan parti dan kedudukan bangsa Melayu sebagai kaum teras bangsa Malaysia. Perpecahan besar pertama bangsa Melayu berlaku pada 1951 diakibatkan dua peristiwa. Pertama keluarnya Onn, pengasas Umno dan pencetus gerakan kemerdekaan negara daripada parti kerana cadangan beliau untuk membuka pintu keahlian Umno kepada orang bukan Melayu ditentang majoriti ahli Umno.

Peristiwa kedua pada tahun yang sama berlangsung kesan pertandingan bagi

memilih Presiden Umno yang baru bagi menggantikan Onn.

Pertandingan berlaku di antara Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang dicalonkan oleh Bahaman Shamsuddin dan Ahmad Fuad seorang ulama yang mengetuai sayap agama Umno yang dicalonkan Onn. Tunku memenangi pertandingan ini mengalahkan Ahmad Fuad dan seorang lagi calon, Datuk C M Yusuff.

Namun, perpecahan yang diakibatkan oleh keluarnya Onn daripada Umno tidak mendatangkan kesan jangka panjang yang besar walaupun pada awalnya ramai tokoh besar dan tersohor Umno seperti Datuk Panglima Bukit Gantang, Abdul Wahab Tok Muda Abdul Aziz; Zainal Abidin Abas dan beberapa Menteri Besar mengikut beliau di dalam menubuhkan Parti Kemerdekaan Tanah Melayu (PKTM).

Namun ibarat pepatah 'biduk berlalu kiambang bertaut' apabila ternyata gagasan yang diperjuangkan PKTM terlalu progresif untuk masanya dan tidak mendapat sokongan majoriti rakyat, maka sebahagian besar mereka yang mengikut Onn kembali merujuk ke pangkuan Umno.

Perpecahan Melayu yang serius dan berkekalan sehingga ke hari ini berlaku akibat tewasnya Ahmad Fuad kepada Tunku pada pertandingan untuk jawatan tertinggi Umno.

Hasilnya Pas atau parti Islam Se-Malaya ditubuhkan. Walaupun Pas hanya memenangi satu daripada 52 kerusi yang dipertandingkan pada pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955, menjelang Pilihan Raya 1959 Pas memenangi 13 kerusi Parlimen dan menguasai dua daripada 11 kerajaan negeri iaitu di Kelantan dan Terengganu.

Taktik agresif Pas yang menggunakan label agama untuk meraih sokongan orang Melayu sampai ke kemuncaknya pada 1969 dengan membuka peluang kepada pembangkang bukan Melayu dengan secara berani dan terbuka mencabar ketuanan Melayu, mengakibatkan teretusnya tragedi 13 Mei 1969.

Perpecahan besar kedua yang dialami orang Melayu bertitik tolak daripada peristiwa April 1987 apabila Tengku Razaleigh Hamzah gagal dalam percubaannya untuk mencabar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad (ketika itu) untuk jawatan Presiden Umno.

Kerana tidak dapat menerima hakikat kekalahan dengan hanya 43 undi, penyokongnya membawa parti ke mahkamah yang akhirnya menyebabkan parti diharamkan.

Apabila gagal pada percubaan awal untuk menghidupkan Umno kembali, Ku Li dan penyokongnya menubuhkan Parti Melayu Semangat 46. Namun pada 1996 akibat prestasi yang mengecewakan pada pilihan raya 1990 dan 1995 ahli parti Semangat 46 diketuai Ku Li kembali kepada Umno.

Namun, kesan perpecahan ini menyebabkan pemerintahan negeri Kelantan dan Sabah jatuh ke tangan pembangkang.

Perpecahan besar ketiga bangsa Melayu berlaku pada 1998 apabila mantan Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno akibat salah laku moral dan penyalahgunaan kuasa dipecat daripada kerajaan dan parti.

Walaupun BN berjaya memenangi Pilihan Raya umum 1999, keputusan pilihan raya menyaksikan sokongan orang Melayu terhadap Umno menurun secara mendadak.

Bagi negeri yang didominasi orang Melayu dari segi demografinya menyaksikan Pas melebarkan sayapnya. Kelantan kekal di tangan Pas walaupun Semangat 46 dibubarkan pada 1996. Terengganu pula jatuh ke tangan Pas manakala di negeri Kedah, Pas menunjukkan prestasi yang cemerlang walaupun tidak berjaya membentuk kerajaan.

Selama 58 tahun Umno tertubuh dan hampir 47 tahun negara merdeka banyak kemajuan yang dicapai orang Melayu, namun kejayaan yang dicapai bangsa Melayu bukan kejayaan dalam vakum.

Ini kerana jika orang Melayu maju setapak orang bukan Melayu pula maju sebatu. Yang menyebabkan bangsa kita tidak mampu mengejar bangsa lain

bukan kerana kita tidak ada iltizam atau usaha tetapi kita berpecah belah lantas ia melambatkan usaha membantu bangsa Melayu secara berkesan.

Cuba kita bayangkan jika Melayu tidak berpecah langsung. Mungkin kita lebih maju dan berjaya berbanding pencapaian hari ini. Kita sudah melakukan kesilapan dengan berpecah dan bangsa mengalami kerugian, janganlah kita ulangi lagi.

Oleh kerana Umno adalah payung kepada bangsa Melayu, alangkah moleknnya jika Umno menjadi teladan terbaik kepada bangsa Melayu mengenai bagaimana untuk bersatu dalam memelihara dan memajukan kepentingan bangsa. Janganlah pula kita ibarat ketam mengajar anaknya berjalan lurus.

(Penulis adalah Menteri Besar dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor)

Peristiwa perpecahan Melayu

1951: - Datuk Onn Jaafar keluar Umno.

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengalahkan Ahmad Fuad untuk jawatan Presiden Umno. Ahmad Fuad tubuhkan Pas.

1987: Pengharaman Umno dan tertubuhnya Semangat 46.

1998: Pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti.

(END)